

## **Unit K9 bantu kesan dadah di Lapangan Terbang Miri**

Posted on February 11, 2015, Wednesday

Langkah elak Sarawak jadi lokasi transit seludup dadah

Oleh Rosemaria Buma

MIRI: Polis akan meningkat aspek keselamatan di Lapangan Terbang Miri termasuk menempatkan Unit Anjing Pengesan (K9) bagi mengelak Sarawak menjadi lokasi transit kegiatan penyeludupan dadah.

Ketua Polis Daerah Miri, ACP Gan Tian Kee berkata, langkah itu dilihat sesuai kerana K9 iaitu anjing dilatih khas membantu polis dalam aktiviti penguatkuasaan di lapangan terbang tersebut.

“Kami akan melaksanakan tugas dengan penuh berhati-hati dan tidak semua bagasi akan diperiksa kerana kami faham mengenai sensitiviti pelbagai agama di negeri ini,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri perhimpunan bulanan Polis Diraja Malaysia (PDRM) Miri di sini semalam.

Katanya, hanya bagasi disyaki mengandungi dadah setelah diimbas di pintu masuk dan keluar akan dihidu anjing pengesan tersebut.

Hadir sama timbalan beliau, Superintenden Stanley Jonathan Ringgit.

Dalam pada itu menurut Gan, langkah itu diperkasa selepas penangkapan pekerja pelantar minyak berusia 21 tahun yang disyaki terlibat kegiatan penyeludupan dadah jenis syabu seberat 115.8 kilogram dianggar bernilai RM21 juta.

Katanya, memandangkan keselamatan di lapangan terbang berada di bawah Malaysia Airports Berhad (MAB), polis akan berbincang dengan MAB untuk mengetatkan aspek keselamatan.

“Setakat ini, kami mempunyai lima ekor anjing dan seekor daripadanya dilatih khas. Ia mempunyai kepakaran tinggi yang boleh mengesan dadah serta merta.

“Anjing itu juga boleh menghidu dadah sama ada disembunyi di dalam beg , kotak dan sebagainya,” katanya.

Terdahulu pada majlis perhimpunan itu, Gan memakaikan pangkat kepada dua pegawai menerima kenaikan pangkat serta menyampaikan sijil penghargaan kepada anggota lain atas prestasi cemerlang dalam menjalankan amanah diberi kerajaan.

Selain itu, beliau turut menyampaikan sijil penghargaan kepada media di Miri sebagai penghargaan atas kerjasama mereka dengan polis dalam mengurang indeks jenayah di Miri.